



# **GARIS PANDUAN**

PENYERAGAMAN FORMAT PELAN  
PERMOHONAN DAN PEMBANGUNAN  
TANAH PENTADBIRAN TANAH  
NEGERI KEDAH



# **2022**

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH

# Perutusan

PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Pentadbiran Tanah Negeri Kedah Darul Aman melalui Bahagian Pembangunan (Seksyen Teknikal) Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG Kedah) dapat menerbitkan "Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah Pentadbiran Tanah Negeri Kedah (Versi 1 Tahun 2022)" untuk tujuan memperkayaskan pembangunan tanah yang mapan bagi seluruh Negeri Kedah Darul Aman. Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan ianya menjadi satu asas rujukan kepada juruukur-juruukur bertauliah yang dilantik bagi tujuan permohonan dan pembangunan tanah di seluruh Pentadbiran Tanah Negeri Kedah. Ianya juga sebagai panduan kepada Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Perbadanan Negeri atau Badan Korporat dan Swasta dalam melaksanakan pembangunan tanah di Negeri Kedah Darul Aman selari dengan kehendak perundangan Kanun Tanah Negara (Akta 828), Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) dan Kaedah-Kaedah Tanah Kedah 2018.

Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah dan Pejabat-Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Kedah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas inisiatif, komitmen dan kerjasama dalam melengkapkan penyediaan garis panduan ini yang sangat relevan dan bertepatan dengan situasi pada masa kini. Harapan saya agar usaha ini dapat memberi manfaat yang sewajarnya kepada semua pihak bagi membantu dan memantapkan dalam urusan permohonan dan pembangunan tanah selaras dengan matlamat agenda pembangunan negeri.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN MUSTAFFA, DSSS., AMK., BCK.  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
<b>PERUTUSAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN</b>	<b>1</b>
<b>1. TUJUAN</b>	<b>8</b>
<b>2. LATAR BELAKANG</b>	<b>8</b>
<b>3. OBJEKTIF</b>	<b>9</b>
<b>4. IMPLIKASI</b>	<b>10</b>
<b>5. PELAN PERMOHONAN DAN PEMBANGUNAN TANAH</b>	<b>10</b>
5.1. Pelan Pembangunan Tanah	11
5.2. Pelan Permohonan Tanah Kerajaan	11
5.2. Pelan Permohonan Galian	11
<b>6. PERKARA ASAS PENYEDIAAN PELAN PERMOHONAN</b>	<b>12</b>
6.1. Penunjuk Arah Utara (North Point)	12
6.2. Tajuk Dan Tujuan Permohonan	12-13
6.3. Keluasan Tapak Permohonan	13
6.4. Penggunaan Warna	14
6.5. Bertumpu Lot / Jalan / Rizab / Simpanan Sediada	14-15
6.6. Pelan Kunci Dan Pelan Lokasi	16
6.7. Bearing, Jarak Dan Koordinat Pelan	16

6.8. Ruangan Petunjuk	17
6.9. Gambar Rajah X dan Y	7
6.10. Ruangan Tandatangan Dan Cop	17
6.11. Lain-Lain Keperluan	17
<b>7. TARIKH BERKUATKUASA</b>	<b>18</b>
<b>8. PENUTUP</b>	<b>18</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>19</b>



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH  
BILANGAN 1/2022**

---

**PEMAKAIAH GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN FORMAT  
PELAN PERMOHONAN DAN PEMBANGUNAN TANAH  
DI DALAM PENTADBIRAN TANAH NEGERI KEDAH**

---

**1. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah (PT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Juruukur Tanah Berlesen/ Bertauliah (JTB) mengenai pemakaian Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah untuk diperaktikkan/ digunakan di seluruh Pentadbiran Tanah Negeri Kedah Darul Aman.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG) bertanggungjawab sepenuhnya mengurus dan menjaga sumber tanah di Negeri Kedah. PDT juga menguruskan proses pembangunan tanah antaranya permohonan pelupusan tanah, kebenaran merancang, ubah jenis kegunaan tanah, pecah sempadan tanah, permit bahan batuan, pajakan melombong, pengambilan balik tanah dan lain-lain permohonan yang melibatkan urusan pembangunan tanah.

- 2.2 Permohonan-permohonan ini memerlukan proses penyediaan pelan tanah yang lebih teratur oleh JTB yang dilantik bagi setiap urusan di semua PDT. Melalui penyediaan pelan tanah ini serta laporan yang lengkap PT dapat membuat keputusan sama ada untuk menyokong atau menolak sesuatu permohonan di peringkat daerah.
- 2.3 Berdasarkan kepada penelitian dan pemerhatian pihak PTG, pelan-pelan permohonan pembangunan tanah yang dikemukakan ketika ini masih boleh ditambahbaik dalam aspek-aspek seperti berikut :-
  - i) Penyeragaman format susun atur pelan yang lebih lengkap;
  - ii) Penambahan maklumat-maklumat lain yang lebih terperinci; dan
  - iii) Penggunaan dan penyeragaman simbol-simbol dan warna di dalam pelan.

### **3. KAEADAH PELAKSANAAN**

- 3.1 Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah Negeri Kedah Versi 1 Tahun 2022 ini adalah merangkumi dua asas utama iaitu :-
  - (i) Pelan yang melibatkan Permohonan dan Pembangunan Tanah; dan
  - (ii) Perkara-perkara asas Penyediaan Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah
- 3.2 Format pelan yang diterima oleh semua Pentadbir Tanah selepas ini adalah berdasarkan piawaian/ 'standard' pelan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah Negeri Kedah Versi 1 Tahun 2022 ini.
- 3.3 Justeru Jurukur Tanah Bertauliah perlulah memastikan pelan-pelan yang hendak dikemukakan ke PDT atau melalui PBT bagi sesuatu tujuan permohonan dan pembangunan tanah hendaklah lengkap sepenuhnya bagi memastikan ianya dapat diproses dan diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

Arahan pemakaian Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah Negeri Kedah Versi 1 Tahun 2022 ini **berkuatkuasa mulai 01hb Februari 2022.**

#### **5. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah ini boleh dikemukakan kepada:

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah,  
Wisma Negeri, 05576 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman  
(u.p.: Seksyen Pengurusan Teknikal, Bahagian Pembangunan)  
No. Tel : 04-7028008  
No. Faks : 04-7028007  
Email : ptg@kedah.gov.my  
teknikalptg@kedah.gov.my

#### **6. PENUTUP**

Arahan ini diperpanjangkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Juruukur Tanah Berlesen/ Bertauliah untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"**



**(DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN MUSTAFFA, DSSS., AMK., BCK.)**  
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Darul Aman



---

**GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN FORMAT  
PELAN PERMOHONAN DAN PEMBANGUNAN TANAH  
PENTADBIRAN TANAH NEGERI KEDAH  
( VERSI 1 TAHUN 2022 )**

---

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Kedah Darul Aman.



## **GARIS PANDUAN PENYERAGAMAN FORMAT PELAN PERMOHONAN DAN PEMBANGUNAN TANAH VERSI 1 TAHUN 2022**

### **1. TUJUAN**

Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah ini bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan kepada Penolong Pegawai Tanah dan Juruukur Tanah Berlesen/Bertauliah bagi proses penyediaan pelan permohonan dan pembangunan tanah berdasarkan Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan Kaedah-Kaedah Tanah Kedah 2018 untuk pemakaian bagi seluruh Pentadbiran Tanah Negeri Kedah Darul Aman.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1** Pentadbiran Tanah Negeri Kedah melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri berusaha ke arah untuk meningkatkan prestasi serta perkhidmatan dalam pentadbiran tanah bagi merencanakan pembangunan negeri khususnya pentadbiran tanah yang melibatkan pembangunan tanah secara tersusun dan teratur serta berdaya saing dalam pembangunan negeri.
- 2.2** Sehubungan dengan itu satu Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah diwujudkan sebagai panduan kepada Pentadbiran Tanah Negeri Kedah dan pihak Juruukur Tanah Berlesen/ Bertauliah dalam menyediakan pelan yang lebih jelas, kemas dan teratur serta menepati kehendak Pentadbiran Tanah Negeri Kedah. Keperluan garis panduan penyeragaman format pelan ini adalah untuk memudahkan sesuatu urusan permohonan bagi pembangunan tanah yang dirancang dari aspek penyediaan pelan, laporan dan ulasan yang lebih tepat serta memenuhi kehendak agensi dan jabatan teknikal yang lain.



- 2.3 Lanjutan daripada itu, Pentadbiran Tanah Negeri Kedah juga telah mengadakan satu perjumpaan bersama Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah (PEJUTA) pada 13 Disember 2020 bertempat di Pelangi Beach Resort, Langkawi, Kedah Darul Aman bagi merealisasikan hasrat tersebut di mana ianya telah dipersetujui bersama.
- 2.4 Cadangan penambahbaikan ini adalah sangat penting berikutan pelan-pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah yang dikemukakan oleh pihak Juruukur Tanah Berlesen/ Bertauliah yang dilantik kepada Pentadbiran Tanah Negeri Kedah di dapati tidak seragam berdasarkan kehendak dan maksud yang dipohon antaranya; -
- i. Penggunaan kod warna yang tidak seragam;
  - ii. Tidak menunjukkan lot-lot bersekitaran dan gunatanah semasa dengan jelas;
  - iii. Tidak memaparkan status jalan dan simpanannya dengan jelas dan tidak menyatakan nama jalan raya serta arahnya;
  - iv. Tidak menunjukkan simpanan laut/ sungai/ alur dan lebar simpanannya serta nama;
  - v. Tidak memaparkan 'landmark' yang terhampir di dalam pelan kunci;
  - vi. Tajuk kepada setiap permohonan tidak sempurna; dan
  - vii. Susun atur pelan yang dikemukakan tidak seragam.

### 3. OBJEKTIF

Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah ini bertujuan untuk penambahbaikan pelan semasa permohonan dikemukakan bagi melengkapi serta mengikut kesesuaian di dalam Pentadbiran Tanah Negeri Kedah di mana tumpuan utama adalah kepada susun atur dan maklumat yang menjelaskan maksud sesuatu permohonan.



#### 4. IMPLIKASI

Penyediaan Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah ini dapat membantu menyelesaikan sesuatu permohonan dalam masa yang ditetapkan dan seterusnya:-

- i. Kos untuk penyediaan pelan dapat dikurangkan apabila tiada lagi isu pembetulan pelan berlaku;
- ii. Menjimatkan masa atau tempoh untuk sesuatu kelulusan apabila tiada lagi kesilapan berlaku;
- iii. Mempercepatkan penyediaan laporan tanah / ulasan teknikal di peringkat jabatan-jabatan berkaitan;
- iv. Memudahkan proses penyediaan kertas kerja;
- v. Memudahkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN)/ Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK)/ Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) untuk membuat keputusan; dan
- vi. Memudahkan ukuran halus dijalankan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi permohonan-permohonan berkaitan.

#### 5. PELAN YANG MELIBATKAN PERMOHONAN DAN PEMBANGUNAN TANAH

Penyeragaman format pelan ini merupakan satu keperluan bagi pihak pemohon untuk menyediakan pelan permohonan dan pembangunan tanah yang lebih sempurna oleh Juruukur Tanah Berlesen/ Bertauliah yang dilantik dengan merangkumi urusan-urusan seperti berikut:-



### 5.1 Pelan Pembangunan Tanah

- i. Permohonan Kebenaran Merancang;
- ii. Ubah Jenis Kegunaan Tanah dan Pecah Sempadan – Seksyen 124A;
- iii. Penyerahan dan Pemberimilikan Semula – Seksyen 204D;
- iv. Cantuman / Penyatuan Tanah – Seksyen 146;
- v. Pecahan Sempadan – Seksyen 135;
- vi. Pecahan Bahagian – Seksyen 140, 141A;
- vii. Cantuman, Pecahan dan Ubah Jenis Kegunaan Tanah;
- v. Serah Sebahagian Tanah 12B – Seksyen 200;
- vi. Serah Keseluruhan Tanah 12A – Seksyen 197;
- vii. Esmen – Seksyen 282;
- viii. Hak Lalu-Lalang Pentadbir Tanah – Seksyen 388;
- ix. Bahan Batuan (Permit 4C) – Seksyen 71;
- x. Perizaban Tanah Kerajaan – Seksyen 62;
- xi. Permit Penggunaan Tanah Pertanian untuk Tujuan Lain;
- xii. Permit Ruang Udara – Seksyen 75A;
- xiii. Hakmilik Strata (Sifus) – Seksyen 124(1)(c); dan
- xiv. Lain-lain permohonan bagi pembangunan tanah.

### 5.2 Pelan Permohonan Tanah Kerajaan

- i. Pelupusan secara Pemberimilikan;
- ii. Pelupusan secara Lesen Pendudukan Sementara (LPS);
- iii. Pelupusan secara Tebus Guna Laut;
- iv. Permit Ruang Udara; dan
- v. Lain-lain permohonan tanah kerajaan berdasarkan kepada definisi tanah mengikut Akta 828 (KTN 1965).

### 5.3 Pelan Permohonan Galian

- i. Permohonan Penjelajahan / Carigali; dan
- ii. Permohonan Pajakan Melombong



## 6. PERKARA ASAS PENYEDIAAN PELAN PERMOHONAN

Perkara asas bagi penyediaan pelan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 5 Tahun 2009 dikekalkan di mana maklumat-maklumat tanah perlu dinyatakan dengan jelas dan bagi permohonan Pajakan Melombong adalah bersandarkan kepada Peraturan-Peraturan Mineral Kedah 2007.

(*Rujuk Lampiran A, B, & C*)

### 6.1 Penunjuk Arah Utara (North Point)

Penunjuk arah utara mestilah mempunyai maklumat permohonan seperti kawasan, bandar/ pekan/ mukim, daerah, no syit, serta skala dan saiz tulisan adalah bersesuaian berdasarkan kepada saiz sesuatu pelan permohonan atau pembangunan yang dikemukakan.

### 6.2 Tajuk Dan Tujuan Permohonan

#### a) Pelan Pembangunan Tanah

Tajuk seharusnya jelas dengan dinyatakan maklumat seperti jenis permohonan, nombor lot, mukim/ pekan/ bandar, daerah dan negeri.

Contoh:- Permohonan Pecah Bahagian Tanah Di Bawah Seksyen 140 KTN @  
lain-lain permohonan pembangunan..... Di Atas Lot 1234,  
Mukim/ Pekan/ Bandar A, Daerah B, Negeri Kedah Darul Aman.

#### b) Pelan Permohonan Tanah

Tajuk seharusnya jelas dengan dinyatakan maklumat seperti jenis permohonan, nombor plot, kawasan, mukim/ pekan/ bandar, daerah dan negeri.

Contoh:- Permohonan Tanah Kerajaan bagi maksud.....di atas  
Plot 1, Kawasan A, Mukim/ Pekan/ Bandar B, Daerah C, Negeri  
Kedah Darul Aman.



c) Pelan Permohonan Galian

Tajuk seharusnya jelas dengan dinyatakan maklumat seperti jenis permohonan, nombor plot, kawasan, mukim/ pekan/ bandar, daerah dan negeri.

Contoh:- Permohonan Lesen Mencarigali Di Bawah Seksyen 41 Enakmen Mineral Negeri Kedah 2004 di atas Plot 1, Komplotmen 12, Hutan Simpan ..... , Mukim/ Pekan/ Bandar B, Daerah C, Negeri Kedah Darul Aman.

### 6.3 Keluasan Tapak Permohonan

Keluasan tanah / tapak permohonan perlulah dinyatakan dalam unit metrik iaitu meter persegi ( $m^2$ ) bagi kategori bangunan / industri dan hektar (ha) bagi kategori pertanian.

a) Keluasan Kategori Bangunan/ Perindustrian

Keluasan tanah / tapak hendaklah dibundarkan dan ditunjukkan kepada nilai meter persegi terhampir.

b) Keluasan Kategori Pertanian/ Galian

- Keluasan yang tidak melebihi 1 hektar ditunjukkan kepada 0.1234 ha terhampir;
- Keluasan melebihi 1 hektar dan kurang 10 hektar ditunjukkan kepada nilai 1.234 ha terhampir; dan
- Keluasan melebihi 10 hektar ditunjukkan kepada 12.34 ha.



## 6.4 Warna

Penggunaan warna di dalam pelan permohonan adalah berdasarkan kepada jenis-jenis sempadan yang sediada seperti:-

- a) **Pelan Pembangunan Tanah**
  - i. Merah untuk sempadan lot baru;
  - ii. Biru untuk sempadan lot asal;
  - iii. Kuning untuk simpanan jalan;
  - iv. Merah untuk penetapan lot Kuota Melayu;
  - v. Oren untuk lot Kuota Melayu ditukar ganti;
  - vi. Kelabu garisan lurus untuk jalan berturap; dan
  - vii. Kelabu garisan putus-putus untuk jalan tak berturap.
  
- b) **Pelan Permohonan Tanah Kerajaan**
  - i. Merah untuk sempadan plot;
  - ii. Hitam untuk sempadan lot tumpu;
  - iii. Kuning untuk simpanan jalan;
  - iv. Biru untuk simpanan laut, sungai, terusan, alur;
  - v. Hijau untuk sempadan Hutan Simpan; dan
  - vi. Kelabu garisan putus-putus untuk jalan sediada samada berada di atas simpanan jalan atau sebaliknya.

(Rujukan Kod Warna *Indek Colour Autocad*: Merah 01; Kuning 02; Biru 05;  
Kelabu 251; Hijau 98; Oren 30; Hitam, berdasarkan RGB )

## 6.5 Bertumpu dengan Lot / Jalan / Rizab /Simpanan Sediada

### a) **Lot Tumpu**

Nyatakan maklumat berikut di dalam pelan permohonan bagi persekitaran tapak yang dipohon:-

- i. Perlu nyatakan lot tumpu di sebelah utara, selatan, timur dan barat tapak permohonan;
- ii. Nyatakan nombor hakmilik dan syarat / guna tanah semasa bagi lot-lot tumpu berkenaan; dan



- iii. Jika tanah kerajaan masukan nombor fail permohonan (jika ada) serta syarat / guna tanah semasa.

**b) Simpanan Jalan**

- i. Simpanan jalan hendaklah diukur supaya kedua-dua garisan sempadan adalah selari kecuali terdapat arahan sebaliknya;
- ii. Ukuran simpanan bagi jalan baru melalui tanah kerajaan hendaklah mengambil kira keperluan untuk memasukkan tambakan, potongan dan lain-lain binaan yang berkaitan ke dalam simpanan jalan; dan
- iii. Nyatakan lebar cadangan simpanan jalan / lebar simpanan jalanraya sediada dan nyatakan nama jalan sekiranya bertumpu dengan jalan negeri / persekutuan serta arah jalanraya berkenaan.

Contoh:- Simpanan Jalan 6.096m/ 10.058m/ 12.192m/ 30.175m.)

(Rujuk Lampiran D)

**c) Simpanan Laut/ Sungai/ Terusan/ Alur**

Nyatakan lebar jarak dari tebing ke sempadan lot permohonan dan masukan nama sungai/ terusan/ alor serta lebar simpanannya berdasarkan kepada Warta Kerajaan Negeri Kedah Jil. 58 No. 27 bil. 997 bertarikh 31 Disember 2015.

(Rujuk Lampiran E)

**d) Hutan Simpan/ Rizab**

Nyatakan lebar simpanan sempadan hutan dan nama hutan simpan sekiranya permohonan bertumpu dengan kawasan hutan simpan dan lain-lain rizab yang telah diwartakan.

(Rujuk Lampiran F)



## 6.6 Pelan Kunci dan Pelan Lokasi

- a) Pelan kunci perlu disediakan dan digambarkan berdasarkan paparan 'Google Maps / Open Street Map (OSM)' yang dapat menunjukkan 'landmark' yang terhampir dengan tapak permohonan. Nilai koordinat lokasi tapak juga perlu dipaparkan menggunakan format 'latitude' dan 'longitude' (cth: 6.123456, 100.123456).  
*(Rujuk Lampiran G, H)*
- b) Pelan lokasi yang disediakan perlulah menunjukkan lot-lot bersekitaran dengan jelas dan menanda kedudukan tapak permohonan. Tunjukkan jalan /laluan masuk ke tapak permohonan daripada jalanraya utama.  
*(Rujuk Lampiran I)*

## 6.7 Bearing, Jarak dan Koordinat Pelan

- a) Bearing dan jarak perlulah dinyatakan dengan jelas di setiap sempadan lot atau plot tapak permohonan mengikut arah jam di mana jarak perlu dinyatakan pada tiga titik perpuluhan. Penggunaan jadual hendaklah berturutan berdasarkan keperluan bagi setiap permohonan. Koordinat perlu dinyatakan berdasarkan kepada 'National Digital Cadastral Database (NDCDB)' dan berasaskan kepada 'Datum Geosentrik Malaysia' GDM2000 di mana sistem koordinatnya adalah berpandukan 'International Terrestrial Reference Frame 2000' pada kedudukan yang bersesuaian di bahagian atas dan bawah pelan tapak permohonan.



- b) Bagi permohonan galian melibatkan Pelan Penjelajahan / Carigali dan Pelan Pajakan Melombong, perlu dinyatakan nilai koordinat *GDM 2000*, '*RSO Malaysia*' dan koordinat '*WGS 84 Kertau*' di setiap titik garisan sempadan tapak permohonan dalam bentuk jadual ('table').

#### **6.8 Ruangan Petunjuk**

Ruangan petunjuk, nota dan nombor pelan perlu diletakkan bagi menjelaskan maklumat-maklumat yang terdapat di atas pelan permohonan.

( *Rujuk Lampiran J* )

#### **6.9 Gambar Rajah X dan Y**

Gambar rajah 'X' dan 'Y' sahaja yang boleh di gunakan bagi urusan yang melibatkan Seksyen 200 KTN, Seksyen 204 KTN dan lain-lain bagi permohonan yang melibatkan dua urusan atau lebih.

( *Rujuk Lampiran L* )

#### **6.10 Ruangan Tandatangan, Tarikh dan Cop**

Ruangan tandatangan perlu disediakan berukuran sekurang-kurangnya 8cm X 8cm yang terdiri daripada pihak juruukur, agensi pemohon/ syarikat/ individu, PBT (jika berkenaan), Pentadbir Tanah Daerah, Pengarah Tanah dan Galian dan Pihak Berkuasa Negeri. Tarikh tandatangan perlu ada pada ruangan tersebut agar dapat dinyatakan tarikh terkini sekiranya terdapat sebarang pindaan berdasarkan kepada komen jabatan teknikal berkaitan.



### 6.11 Lain-Lain Keperluan

Penyediaan pelan permohonan bagi maksud kelulusan adalah tertakluk kepada keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan.

## 7. BERKUATKUASA

Arahan pemakaian Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah ini **berkuatkuasa mulai 01 Februari 2022**. Sebarang pindaan atau penambahbaikan ianya akan dilakukan berdasarkan kepada keperluan dari semasa ke semasa.

## 8. PENUTUP

Hasrat murni pihak Pentadbiran Tanah Negeri Kedah melalui Garis Panduan Penyeragaman Format Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah ini adalah untuk menjadikan urusan pembangunan tanah dapat disempurnakan dengan lancar bagi memantapkan pengurusan tanah di dalam Pentadbiran Tanah Negeri Kedah Darul Aman.

**LAMPIRAN****KANDUNGAN LAMPIRAN :-****Perkara Asas Penyediaan Pelan Permohonan dan Pembangunan Tanah**




1. Lakaran Susun Atur "*title block*"
  - a) Pelan Pembangunan Tanah  
**(LAMPIRAN A)**
  - b) Pelan Permohonan Tanah  
**(LAMPIRAN B)**
  - c) Pelan Permohonan Galian  
**(LAMPIRAN C)**
2. Bertumpu dengan Jalanraya/ Simpanan jalan  
**(LAMPIRAN D)**
3. Bertumpu dengan Laut/ Sungai/ Terusan/ Alur  
**(LAMPIRAN E)**
4. Bertumpu dengan Hutan Simpan/ Rizab  
**(LAMPIRAN F)**
5. Pelan Kunci  
**(LAMPIRAN G & H)**
6. Pelan Lokasi  
**(LAMPIRAN I)**
7. Contoh Petunjuk  
**(LAMPIRAN J)**
8. Contoh Petunjuk  
**(LAMPIRAN J)**
9. Contoh-Contoh Pelan Lengkap  
**(LAMPIRAN K, L & M)**



## LAMPIRAN A

## FORMAT PELAN PEMBANGUNAN

1. ARAH UTARA
2. PELAN KUNCI
3. PELAN LOKASI
4. TAJUK
5. MAKLUMAT TANAH
6. JURUKUR TANAH BERTAULIAH
7. PEMOHON
8. PIHAK BERKUASA TEMPATAN
9. PENTADBIR TANAH DAERAH
10. PENGARAH TANAH DAN GALIAN
11. PIHAK BERKUASA NEGERI
12. PETUNJUK
13. NOTA
14. RAJAH 'X'
15. RAJAH 'Y'

 1					 2 MOKAHT LOKASI : NAMALE N. JALAN N. N	 3
 15				 14		TAJUK
						MAKLUMAT TANAH
						9
						PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI XODAH
						TARZAH:
						PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI XODAH
						TARZAH:
 12		 13		 6		 7
TARZAH: NO PELAN:		TARZAH:		TARZAH:		 8
						 11
						TARZAH:



## LAMPIRAN B

## FORMAT PELAN PEMBANGUNAN TANAH KERAJAAN

1. ARAH UTARA
2. PELAN KUNCI
3. PELAN LOKASI
4. TAJUK
5. JURUKUR TANAH BERTAULIAH
6. PEMOHON
7. OLEH
8. PENTADBIR TANAH DAERAH
9. PENGARAH TANAH DAN GALIAN
10. PIHAK BERKUASA NEGERI
11. PETUNJUK
12. NOTA

 MURIM DASRAH KEDAH DARUL AMAN SYI' KHAWAI SKALA: NO FAIL PEJABAT TANAH <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">1</span>		<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;">           PELAN KUNCI          TANPA BERKALA  <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">2</span>  <small>JURUKUR LEGAL : 6 KM 8.8 JUJUNGU X</small> </div> <div style="text-align: center;">           PELAN LOKASI          TANPA BERKALA  <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">3</span> </div> </div> <div style="margin-top: 10px;"> <small>TARikh:</small> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 45%;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 5px;">PETUNJUK</div> <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">11</span> </div> <div style="width: 45%;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 5px;">NOTA</div> <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">12</span> </div> </div> <div style="margin-top: 10px;"> <small>TARikh: NO PELAN:</small> </div>
	<div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;"> <div style="text-align: center;"> <small>JURUKUR TANAH BERTAULIAH</small>  <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">6</span> </div> <div style="text-align: center;"> <small>PEMOHON</small>  <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">7</span> </div> <div style="text-align: center;"> <small>MATIZ INCENIARAT SEMAJAHAN NEGRI</small>  <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">10</span> </div> </div> <div style="margin-top: 10px;"> <small>TARikh:</small> </div>	<div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 45%;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 5px;">JURUKUR TANAH BERTAULIAH</div> <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">6</span> </div> <div style="width: 45%;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; margin-bottom: 5px;">PEMOHON</div> <span style="border: 1px solid red; border-radius: 50%; padding: 2px;">7</span> </div> </div> <div style="margin-top: 10px;"> <small>TARikh:</small> </div>



## LAMPIRAN C



## FORMAT PELAN PEMBANGUNAN (GALIAN)

1. ARAH UTARA
2. PELAN KUNCI
3. PELAN LOKASI
4. TAJUK
5. OLEH
6. JURUKUR TANAH BERTAULIAH
7. PEMOHON
8. PENGARAH TANAH DAN GALIAN
9. PIHAK BERKUASA NEGERI
10. PETUNJUK
11. NOTA
12. JADUAL KOORDINAT RSO & LATITUD / LONGITUD

 NURSUS DARAH KEDAH DARUL AMAN SYT MIAWAI : --- SKALA : --- NO FAIL PEJABAT TANAH <b>1</b>	<b>2</b> PELAN KUNCI TANPA SKALA	<b>3</b> PELAN LOKASI TANPA SKALA
<b>12</b> JADUAL KOORDINAT RSO & LATITUD / LONGITUD	<b>4</b> TAJUK	<b>5</b> OLEH
<b>10</b> PETUNJUK	<b>6</b> JURUKUR TANAH BERTAULIAH	<b>7</b> PEMOHON
<b>11</b> NOTA	<b>8</b> PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH	<b>9</b> WALIAS MENGAWAS KERJAAN NEGERI
TARIKH : NO PLAN :	TARIKH :	TARIKH :




## LAMPIRAN D







LAMPIRAN D







## LAMPIRAN E






## LAMPIRAN E







## LAMPIRAN F






## LAMPIRAN G







## LAMPIRAN H





LAMPIRAN I





## LAMPIRAN J

## CONTOH-CONTOH PETUNJUK

	SEMPADAN NEGERI
	SEMPADAN DAERAH
	SEMPADAN DAERAH KECIL
	SEMPADAN MUKIM
	RIZAB
	SEMPADAN SEKSYEN
	KAWASAN YANG DIPDHON
	TANDA SEMPADAN
	JALAN
	SUNGAI
	STRUKTUR BINAAN
	BKL
	BATU KONKRIT LAMA

- \* PENGGUNAAN SIMBOL & SINGKATAN HURUF PERLU LAH DISERTAKAN DENGAN PENERANGAN PADA RUANGAN PETUNJUK




LAMPIRAN K

<p><b>PELAN PRA-HITUNGAN DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA</b> PETAK 1, 4 &amp; 5 BANDAR ALOR SETAR DAERAH KOTA SETAR SKALA 1 : 1250 BTM PIAWAJ : BB-A</p>		<p><b>TATIK</b></p> <p>PENYERAHAN PERMOHONAN BALIK DAN PENGETAHUAN ALAM SEMULA APARAHENTI KEPADA M-A. LURK 2220 - 2224 &amp; 4010 PERINTEGRITI DAN POSTA 1, 4 &amp; 5 BANDAR ALOR SETAR DAERAH KOTA SETAR KEJADIAN DASRI, ALOR</p> <p>MALAYSIA TRADITION</p> <p>LOT 2220, 2221, 2222, 2223 &amp; 4010 BTM BANDAR : LOKAL ALOR SETAR PERINTAHAN TANAH : PERTAMA BTM : KODIANG BTM : 22201 &amp; 4730</p>	<p><b>PENTADBIR TANAH DAERAH</b></p> <p>PERMOHONAN PENYERAHAN BALIK LOT 2220 - 2223 DAN 4010 BANDAR ALOR SETAR DAERAH KOTA SETAR BTM PIAWAJ : BB-A</p> <p><b>RUMAH X</b></p> <p>PENGETAHUAN LOT 2220, PENGETAHUAN LOT 2221, 2222 &amp; 2223 BANTUAN ALAM SEMULA DAN APARAHENTI KEPADA M-A. LURK 2220 - 2224 &amp; 4010 PERINTAHAN TANAH : PERTAMA BTM : KODIANG BTM : 22201 &amp; 4730</p>	<p><b>TUAN TANAH</b></p> <p><b>AJURUSIR TANAH BERJESIH</b></p> <p>NETA :</p>	<p><b>Wakaf</b></p> <p><b>PENGURUSAN TANAH DAN GALLAN NEGERI KEDAH</b></p> <p>NETA :</p>

\*Nota : Pelan ini adalah sebagai panduan sahaja



LAMPIRAN L



\*Nota : Pelan ini adalah sebaci panduan sahaja



LAMPIRAN M

	<b>BIL.</b>  <b>KODOKNAT LOKASI : 6158018 &amp; 200.30801.7</b>	<p>PENDUDUKAN : ESEN HENGGEH LEBAH SONGKOK 11 FAKIRIN HENGGEH LEHNGKU 1234-011 LU ALAS PLUIT 1 KAWASAN REJAS MATAU GURUNG JIANG HEUP PULAI KACANG BALING HEUP DABUH AMAH</p> <p><b>DARAH</b></p> <p>POLIGON DAIRI KEDAH DECORAH</p> <p>POLITABLE TANAH ZONEBON</p> <p>WBN</p> <p>POLITABLE TANAH DAK DILAH HEPERI KETUAH</p> <p>WBN</p>																		
		<p>SENARAI BODORAN:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">ITEM</th> <th style="width: 15%;">BOLEH MALAYSIA</th> <th style="width: 15%;">NO.26264</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>A -46359 U. 32980 E</td> <td>46359 U. 32980 E</td> <td>46359 U. 32980 E</td> </tr> <tr> <td>B -552459 U. 34196 E</td> <td>552459 U. 34196 E</td> <td>552459 U. 34196 E</td> </tr> <tr> <td>C -461719 U. 32512 E</td> <td>461719 U. 32512 E</td> <td>461719 U. 32512 E</td> </tr> <tr> <td>D 642279 U. 22206 E</td> <td>642279 U. 22206 E</td> <td>642279 U. 22206 E</td> </tr> <tr> <td>E -45514 U. 32009 E</td> <td>-45514 U. 32009 E</td> <td>-45514 U. 32009 E</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>NOTES:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengikut maklumat yang diberikan dalam Permohonan Tanah.</li> <li>2. Dapat diambil daripada sistem GPS.</li> <li>3. Dapat diambil daripada sistem GPS.</li> </ol>	ITEM	BOLEH MALAYSIA	NO.26264	A -46359 U. 32980 E	46359 U. 32980 E	46359 U. 32980 E	B -552459 U. 34196 E	552459 U. 34196 E	552459 U. 34196 E	C -461719 U. 32512 E	461719 U. 32512 E	461719 U. 32512 E	D 642279 U. 22206 E	642279 U. 22206 E	642279 U. 22206 E	E -45514 U. 32009 E	-45514 U. 32009 E	-45514 U. 32009 E
ITEM	BOLEH MALAYSIA	NO.26264																		
A -46359 U. 32980 E	46359 U. 32980 E	46359 U. 32980 E																		
B -552459 U. 34196 E	552459 U. 34196 E	552459 U. 34196 E																		
C -461719 U. 32512 E	461719 U. 32512 E	461719 U. 32512 E																		
D 642279 U. 22206 E	642279 U. 22206 E	642279 U. 22206 E																		
E -45514 U. 32009 E	-45514 U. 32009 E	-45514 U. 32009 E																		

\*Nota : Pelan ini adalah sebagai panduan sahaja



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN  
GALIAN NEGERI KEDAH**

Wisma Negeri

05576 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Tel : +604-702 8008

Fax : +604-702 8007

Latitude : 6.120421

Longitude : 100.367222

ptg@kedah.gov.my



[www.ptgkedah.gov.my](http://www.ptgkedah.gov.my)